

Merbok & Jerai

Sejarah yang Berbisik

Editor
Syazliyati Ibrahim



Hakcipta terpelihara © 2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan nisip kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik,fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

Editor : Syazliyati Ibrahim
Rekabentuk kulit buku : Asrol Hasan
Susunatur : Asrol Hasan

ISBN 9789670314396

Cetakan oleh: Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

PENGHARGAAN

Proses dokumentasi hasil penyelidikan yang dijalankan di sekitar Merbok dan Gunung Jerai ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak sama ada individu ataupun institusi. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada:

- 1 Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- 2 Dato'Tajul Urus Mat Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah
- 3 Rektor, UiTM Cawangan Kedah. Dr. Asmadi Mohammed Ghazali
- 4 Penduduk-penduduk Kampung Bujang, Kampung Segantang Garam, Kampung Kuala Segantang Garam, Semeling, Gunung Jerai, Kampung Bukit Acheh, Tanjung Dawai dan Kampung Acheh.

ISI KANDUNGAN

MERBOK DAN JERAI : SEJARAH YANG BERBISIK

Muka Surat

Penghargaan	i
Kata-kata aluan	iv
Pengenalan	vii
BAB 1	1
Islam di Kedah: Fajar Iman Nusantara <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i> <i>Maznah Wan Omar</i>	
BAB 2	9
Tanjung Dawai : Antara Lautan dan Kehidupan <i>Maznah Wan Omar</i> <i>Mazlifa Md Daud</i> <i>Norhayati Ismail</i>	
BAB 3	31
Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Disebalik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai <i>Syakirah Mohammed</i> <i>Syatirah Abu Bakar</i> <i>Sarah Sabir Ahmad</i> <i>Nur Irinah Mohd Sirat</i>	
BAB 4	42
Ban Merbok : Cahaya di Dalam Kegelapan <i>Syazliyati Ibrahim</i> <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azfa hanee Zakaria</i> <i>Azni Syafena Andin Salamat</i> <i>Asrol Hasan</i>	
BAB 5	53
Jejak Acheh di Yan : Singkapan Semangat dan Amanat <i>Nor Suhaiza Md Khalid</i> <i>Zarina Mohd Zain</i> <i>Suzei Mat Nurudin</i>	
BAB 6	65
Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa <i>Azfa hanee Zakaria</i> <i>Asrol Hasan</i> <i>Syazliyati Ibrahim</i> <i>Azni Syafena Andin Salamat</i> <i>Fathiyah Ahmad Jali</i>	
BAB 7	75
Rimbunan Hijau : Khazanah Herba Alam di Merbok <i>Azyyati Anuar</i> <i>Firdaus Abdul Rahman</i> <i>Suhardi Hamid</i>	

BAB 8	Komuniti Cina di Merbok : Keringat Emas di Lembah Bertuah <i>Lee Chai Chuen</i> <i>Nor Azrina Mohd Yusof</i>	81
BAB 9	Gunung Jerai : Pasak Utuh Jelapang Padi <i>Fathiyah Ahmad Jali</i> <i>Azlan Abd Rahman</i> <i>Zaidi Yusoff</i> <i>Asmadi Mohammed Ghazali</i>	97
Kesimpulan		104
Senarai Penulis		106

KATA – KATA ALUAN

Sekapur Sireh
YB. Dato' Haji Tajul Urus Haji Mat Zain
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan
Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman



Menyingkap sejarah dan menyoroti peristiwa yang melingkari kehidupan sehari-hari sesebuah masyarakat itu merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh kita. Sejarah membawa diri kita ke satu dimensi lalu yang bukan sahaja memberi peringatan bahkan menjadi agen kesedaran dalam memacu masa hadapan. Penelitian kepada sejarah merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam keadaan masyarakat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan masa hadapan sahaja.

Penerbitan Buku Sejarah Yang Berbisik merupakan satu inisiatif terbaik dalam memaparkan sejarah-sejarah negeri Kedah Darul Aman, terutamanya di kawasan Tanjung Dawai, Merbok dan Jerai, kepada khalayak pembacanya. Soroton sejarah yang dicanaikan secara santai dan bersahaja ini pastinya mampu menarik perhatian segenap kelompok pembaca dan pastinya juga mampu menarik minat golongan muda untuk menghayatinya.

Jutaan tahniah dan segunung penghargaan dirakamkan kepada Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik atas penerbitan makalah sejarah ini. Barisan penulis dan editor Sejarah Yang Berbisik telah, secara hebatnya, mempersembahkan corak penulis kreatif dan menarik untuk menjadikan naskah ilmu ini diterima ramai. Pastinya kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah tidak akan terhenti di sini dan akan berlanjutan demi memastikan kelangsungan pembangunan medan ilmu di Negeri kedah akan berterusan.



Seulas Pinang
YBhg. Dr Asmadi Mohammed Ghazali
Rektor
UiTM Cawangan Kedah

Sejarah dan kisah yang melatari sesebuah bangsa merupakan satu bidang ilmu pengetahuan yang harus diselidiki secara sistematik dan menyeluruh. Pengamatan nilai sejarah pastinya akan membantu kepada pengertian secara keseluruhan mengenai perkembangan kehidupan mahupun masyarakat dan nilai kemanusian di masa lampau yang boleh dijadikan panduan kepada perencanaan masa hadapan.

Inisiatif Barisan Penulis Buku dan Sidang Editorial Sejarah Yang Berbisik untuk menghasilkan sebuah naskah ilmu yang menghimpunkan pelbagai kisah sejarah, baik yang telah dikenali mahupun tidak, merupakan satu inisiatif terbaik dan murni dalam membantu kepada pemupukan nilai cintakan sejarah dan negara. Pastinya khalayak pembaca akan terpikat dengan corak penyampaian nilai sejarah secara santai seolah-olah sedang pembaca sebuah cerita pendek rakyat. Bahan bacaan ringan yang padat dengan nilai sejarah dan kekitaan. Tahniah diucapkan kepada semua.

Kerjasama dan dorongan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah terutamanya Jawatankuasa Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman pastinya akan mendorong kepada penghasilan lebih banyak makalah-makalah ilmu sejarah yang akan membantu kepada penghasilan komuniti masyarakat yang menyanjung nilai sejarah bangsa dan negaranya. Besar harapan agar kerjasama sebegini akan berterusan tanpa henti dan pastinya selepas ini akan lebih banyak medan ilmu dan sesi perkongsian pengetahuan akan terhasil.



Suatu Refleksi

PROF. DR. MAZNAH WAN OMAR
Pengerusi
SIG PICE (Special Interest Group – Public
Interest Centre of Excellence)
UiTM Cawangan Kedah

Kedah merupakan sebuah negeri yang amat kaya dengan sejarah dan menyimpan pelbagai misteri. Asal-usul negeri ini telah bermula berabad lamanya dengan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu yang telah membuktikan keutuhan dan kedaulatan negeri Kedah di persada sejarah. Daerah Merbok dan Gunung Jerai merupakan kawasan utama yang mempengaruhi susur galur kewujudan negeri Kedah. Sehingga kini, kawasan Merbok dan Gunung Jerai masih mempunyai tarikan yang tersendiri disebabkan penemuan penting khazanah sejarah dunia seperti candi-candi Lembah Bujang sehinggalah penemuan yang lebih terkini, iaitu penempatan penduduk dan aktiviti sosial mereka di Sungai Batu.

Memandangkan kedua-dua daerah ini sudah terkenal dengan sejarah yang disokong dengan bukti-bukti arkeologi, kehidupan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut sudah pastinya turut berubah mengikut peredaran zaman. Oleh yang demikian, kumpulan penyelidik UiTM Cawangan Kedah, iaitu SIG PICE (Special Interest Group – Public Interest Centre of Excellence) merasakan adalah penting untuk mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang mungkin tidak dapat dibuktikan dari sudut arkeologi. Contoh-contoh aspek kehidupan tersebut seperti cerita asal-usul nama tempat, aktiviti permainan dan rekreasi serta individu-individu yang berjasa yang mungkin tidak dapat dikesan dengan hasil carigali arkeologi. Sehubungan itu, dengan bantuan Dana daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, kumpulan ini telah menjalankan penyelidikan dengan merekodkan sejarah lisan daripada penduduk sekitar Merbok dan Jerai untuk memastikan kesinambungan sejarah negeri ini tidak sahaja bergantung kepada bukti arkeologi.

Kisah-kisah yang dikutip daripada penduduk-penduduk kampung di daerah Merbok dan Gunung Jerai yang dibukukan di sini terdiri daripada kisah-kisah yang unik berdasarkan pengalaman hidup mereka seawal tahun 1900 sehingga sekarang. Pelbagai topik yang tersemat di hati penduduk kampung antaranya ialah Islam di Kedah, pembangunan Tanjung Dawai, kesan projek Ban Merbok, komuniti Cina di Semeling sehingga kepada simbol Gunung Jerai kepada rakyat Kedah telah digarapkan di dalam buku ini. Harapan para penyelidik supaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk bab dalam buku ini dapat membantu para pembaca mengetahui negeri Kedah amnya dan daerah Merbok dan Jerai khasnya dengan lebih dekat. Sejarah kehidupan penduduk yang dinukilkan ini diharapkan juga kekal menjadi rujukan dan sentiasa berbisik di hati pembaca, bukan lagi hanya berbisik di jiwa penduduk kampung yang akhirnya hilang ditelan kemodenan jika tidak direkodkan.

PENGENALAN

Kompilasi kisah-kisah yang dikumpul daripada orang-orang kampung sekitar Merbok dan Jerai ini dimulakan dengan nukilan kisah *Islam di nusantara*. Negeri Kedah merupakan negeri di Nusantara yang menerima Islam lebih awal dari negeri Melaka (1414M), Terengganu (1303M) dan negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah bertapak di negeri ini sekitar tahun 1136M bersamaan 531H. Tokoh yang bertanggungjawab dalam menyebarkan Islam dan mengislamkan Maharaja Kedah ialah seorang ulama yang berasal dari negeri Yaman. Teori kedatangan Islam ke Kedah menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Kedah lebih awal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Demikian juga halnya jika berdasarkan kepada catatan ahli sejarah seperti bukti-bukti batu nisan yang telah ditemui, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondok yang dibangunkan dan sebagainya Bab ini juga membahaskan mengenai asal-usul nama Kedah, kerajaan yang memerintah Kedah, lokasinya, Gunung Jerai, tokoh pengasas kerajaan Kedah Tua dan tokoh ulama yang mengislamkan Maharaja Kedah dan rakyatnya serta pemerintahan putera-putera Sultan Muzaffar Shah I dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir diteruskan dengan topik kedatangan Islam ke Kedah lebih awal dari Melaka dan negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu.

Seterusnya, bab *Tanjung Dawai – antara lautan dan kehidupan*, mengupas keadaan kehidupan penduduk Tanjung Dawai dari segi kegiatan ekonomi dan infrastruktur yang ada untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancong. Tanjung Dawai merupakan satu kawasan muara sungai dengan kebanyakan penduduknya bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha makanan laut, dan pengeluar produk hasilan laut. Arked Tanjung Dawai dibina dengan tujuan untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan bermiaga hasilan laut yang diperoleh daripada lautan luas. Infrastruktur asas seperti sekolah, pengangkutan awam, masjid, dan persekitaran Tanjung Dawai juga turut dikupas secara ringkas.

Selain itu, kisah-kisah di sebalik nama-nama kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah juga berjaya direkodkan hasil daripada temu ramah dengan penduduk kampung. Antaranya ialah *Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal-Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai*. Nama-nama kampung ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Hal ini juga boleh memberi gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi, dan identiti masyarakat terdahulu. Asal-usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang yang diperoleh daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal-usul tersebut dilupakan.

Kepayahan dan kesusahan hidup penduduk Kedah pada suatu masa dahulu juga direkodkan dalam bab *Ban Merbok: Cahaya di Dalam Kegelapan*. Pada zaman 1960-an, terdapat sebuah projek kerajaan negeri yang dinamakan Projek Ban Merbok. Dahulunya, projek ini dikenali sebagai Program Pamah Kerajaan. Projek ini telah dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Cawangan Kuala Muda, Kedah. Keistimewaan projek ini melibatkan tebus guna tanah di kawasan air masin yang merangkumi kawasan seluas 100 km persegi dan melibatkan 56 mukim. Antara kawasan yang terlibat ialah Merbok, Sungai Baru, dan Bujang. Kisah Ban Merbok dan Kampung Kuala Segantang Garam ini wajar direkodkan bukan hanya atas dasar sebuah projek tebus guna kerajaan. Perkara yang perlu dipelajari di sebalik kisah penerokaan projek Ban Merbok ini sebenarnya adalah tentang kehidupan insan yang dibelenggu kesusahan hidup dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras menyahut seruan pihak kerajaan untuk membuka atau memugar satu kawasan hutan paya bakau yang penuh cabaran semata-mata untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, semangat dan jati diri masyarakat Acheh turut dikupas dalam bab ***Jejak Acheh di Yan: Singkapan Semangat dan Amanat***. Kehidupan masyarakat Acheh di Yan, Kedah telah bermula semenjak tahun 1888 lagi. Ada di kalangan mereka yang telah melepas generasi keempat atau kelima yang menetap di Kampung Acheh. Namun, bagi sebilangan kecil masyarakat Acheh yang terdiri daripada generasi ketiga; mereka masih kekal dan kukuh dengan bahasa dan budaya Acheh walaupun telah berlaku asimilasi dengan masyarakat Melayu Kedah. Menelusuri sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, terdapat dua versi berbeza yang dapat dikaitkan dengan hal tersebut. Versi pertama merujuk kepada penghijrahan mereka ke daerah Yan pada sekitar kurun ke-18. Versi kedua pula menceritakan sebahagian orang Acheh yang turut sama berhijrah telah mendarat di Langkawi. Masyarakat Acheh sangat kuat berpegang teguh kepada ajaran Islam sehingga mereka membina sebuah sekolah agama seusai kedatangan mereka di Yan. Masyarakat Acheh juga mewarisi keunikan budaya mereka tersendiri, di samping turut aktif bekerjasama mewujudkan gerakan perniagaan bagi mengukuhkan ekonomi mereka. Pelbagai aktiviti telah direncanakan oleh masyarakat Acheh di Yan antaranya penerbitan buletin yang dikenali dengan nama Narit Geutanyo, penulisan kamus Bahasa Acheh-Bahasa Malaysia-Bahasa Acheh, dan pembinaan galeri.

Hasil temu teramah seterusnya direkod dalam bab ***Permainan Tradisional Merbok – Nilam Pusaka Bangsa***. Antara aktiviti masa lapang yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat terutama pada zaman sebelum alaf baharu ialah permainan berkumpulan. Permainan berkumpulan yang popular terutama di kalangan kanak-kanak lebih bersifat tradisional kerana turut digemari oleh kanak-kanak pada zaman dahulu. Di Merbok, terdapat beberapa permainan yang amat popular pada zaman 1950-an tetapi sayangnya hampir tidak dikenali oleh generasi pada zaman ini kerana pengaruh perkembangan teknologi terutamanya permainan berteknologi. Oleh itu, langkah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis permainan tradisional yang semakin pupus ditelan zaman ini dirasakan amat penting supaya generasi masa hadapan dapat mengenali warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan tradisional yang dimainkan oleh penduduk kawasan Merbok ialah permainan sole, permainan tuju ayam, permainan poroq, dan permainan kawaq.

Bab ***Rimbunan hijau: khazanah herba alam di Merbok*** pula merekodkan maklumat tentang tumbuh-tumbuhan yang meliar di sekitar Merbok tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat kampung. Merbok merupakan kawasan yang terdiri daripada pelbagai bentuk muka bumi seperti kawasan tanah pamah, sawah padi, dusun dan kebun getah, paya bakau, rimba belantara dan kaya dengan pelbagai pokok dan tumbuh-tumbuhan. Bagi menelusuri dengan lebih dekat pokok dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekitar Merbok, temu bual bersama dengan penduduk tempatan dijalankan bagi mendapat gambaran yang sebenar tentang keunikan sejarah, fungsi, dan khasiat di sebalik nama-nama pokok yang tidak pernah dirungkai sebelum ini.

Bab ***Komuniti Cina di Merbok: Keringat emas di lembah bertuah*** pula merupakan sebuah kisah sejarah kedatangan orang Cina ke Pekan Merbok, Kedah. Kesusahan hidup, terpaksa meninggalkan anak isteri di negara sendiri, dan bersendirian di lembah bertuah mengajar kaum Cina yang datang berhijrah ke Tanah Melayu untuk lebih berusaha dan cekal bagi memastikan generasi seterusnya dapat hidup dengan lebih selesa pada masa hadapan. Berpandukan kepada prinsip, ‘biar miskin kehidupan, jangan miskin pendidikan’, pembukaan sekolah pendidikan Cina di Tanah Melayu membuktikan kaum Cina mementingkan pendidikan agar generasi mereka di Tanah Melayu masih dapat mempelajari dan mewarisi kebudayaan serta asal-usul nenek moyang mereka. Kelahiran seorang tokoh pendidikan Cina di Pekan Merbok telah menjadikan lembah bertuah ini terkenal di kalangan masyarakat Cina seluruh Malaysia. Jasa dan sumbangan mendiang Dato’ Lee Sing Chooi dalam bidang pendidikan Cina menjadikan beliau seorang tokoh pendidikan yang disanjungi di kalangan penduduk Cina di Pekan Merbok ini.

Akhir sekali, bab ***Gunung Jerai: Pasak Utuh Jelapang Padi*** merekodkan keunggulan simbol Gunung Jerai kepada penduduk Kedah khususnya yang tinggal di sekitar kaki gunung tersebut. Puncak tertinggi di negeri Jelapang Padi ini yang berdiri teguh pada ketinggian 1,217 meter dari paras laut merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot yang gemilang satu masa dahulu. Perbincangan bakal berkisar kepada tiga domain utama, iaitu sumbangan Gunung Jerai kepada nilai ekonomi, hidup dan alam sekitar serta signifikan kewujudannya kepada masyarakat sekitar, khususnya dan seluruh warga Kedah, amnya.

Ada Apa Pada Nama? Ceritera Yang Terungkap Di sebalik Asal Usul Nama Kampung di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai

Syakirah Mohammed

Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
syakirah@kedah.uitm.edu.my

Syatirah Abu Bakar

Jabatan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
syatirah@kedah.uitm.edu.my

Sarah Sabir Ahmad

Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
sarah342@kedah.uitm.edu.my

Nur Irinah Mohd Sirat

Jabatan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
irinah@kedah.uitm.edu.my

APA ADA PADA NAMA?

Merbok dan Bujang, dua mukim di Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Kedah yang dikenali sebagai tapak tanah kepada kawasan arkeologi Lembah Bujang, tinggalan tamadun Melayu tertua di Asia. Banyak perkara dan peristiwa yang telah dinukilkan di lembah ini termasuk tentang runtuhannya-candi, binaan, artifak-artifak dan peralatan purba yang ditemui, tidak kurang juga tentang sejarah kegemilangan masa silam yang panjang dan masih sedang dirungkai. Namun tidak ramai yang cuba merisik kisah dan makna yang diabadikan dalam nama-nama kampung Melayu tradisional yang menghuni lembah bersejarah ini.

Nama-nama kampung di Merbok dan Bujang ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam susur galur masyarakat setempat. Nama sesuatu tempat kadangkala mempunyai konteks sejarah yang harus dipelihara. Nama sesuatu tempat juga boleh menggambarkan sifat-sifat persekitaran asal yang kini mungkin telah berubah ditelan arus masa dan kemodenan. Selain itu, nama tempat juga boleh memberikan gambaran kekayaan warisan, budaya, aktiviti ekonomi dan identiti masyarakat terdahulu.

Sementelah golongan tua yang banyak menyimpan rahsia di sebalik nama-nama tempat ini telah ramai meninggalkan dunia yang fana ini. Beberapa individu yang masih hidup pula semakin dimamah usia. Asal usul nama-nama kampung di Merbok dan Bujang daripada cerita-cerita lisan penduduk-penduduk kampung wajar dicatatkan sementara mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya masih hidup dan sebelum asal usul tersebut dilupakan.



Gambar 3.1: Tanjung Dawai


BENARLAH BAHASA BUDAYA BANGSA

Di negeri Kedah yang terkenal sebagai salah satu pusat Tamadun Melayu yang tertua, terdapat satu kawasan yang banyak menyimpan rahsia-rahsia sejarah, iaitu Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai. Asal nama Tanjung Dawai mempunyai rahsianya yang tersendiri. Tanjung Dawai dikatakan berasal daripada perkataan Siam, iaitu “Than Wai” yang bermaksud pertahanan awal. Perkara ini mungkin berkait rapat dengan sejarah negeri Kedah yang pernah diserang oleh tentera Siam pada 1821 dan Tanjung Dawai telah dijadikan tempat pertahanan tentera Kerajaan Kedah Tua pada masa itu.

Kedudukan geografi Tanjung Dawai yang terletak di bahagian hadapan muara Sungai Merbok sangat strategik dan berkemungkinan merupakan penyebab dikatakan sebagai tempat pertahanan awal oleh kerajaan Kedah ketika itu. Informasi ini telah dikukuhkan lagi oleh fakta bahawa di sebelah kiri muara sungai Merbok terdapat satu kawasan yang dinamakan Kuala Muda yang juga dikatakan berasal daripada perkataan Siam “Mua Dat”, yang bermaksud gudang belerang. Mungkin pada masa dahulu, Kuala Muda merupakan tempat simpanan belerang dan bahan api untuk tujuan pertahanan tentera Kerajaan Kedah. Penyataan ini dikukuhkan dengan fakta sejarah yang menyatakan pada tahun 1811, Sultan Ahmad Tajuddin telah menjadikan Kuala Muda sebagai kediamannya untuk menyelamatkan diri dari tekanan pihak Siam. Baginda kekal di Kuala Muda sehingga tahun 1821 dan baginda melarikan diri ke Pulau Pinang apabila Tentera Siam menceroboh Kedah.

Berhampiran dengan kawasan Kuala Muda pula, terletak satu lagi kawasan yang dinamakan Bukit Meriam. Menurut penceritaan orang-orang tua kampung, Bukit Meriam dikatakan pernah menjadi tempat simpanan meriam oleh tentera kerajaan Kedah ketika itu. Oleh itu, Tanjung Dawai yang merupakan pertahanan awal negeri Kedah dari serangan tentera Siam dikatakan banyak menyimpan rahsia dalam lipatan sejarah negeri Kedah.

Selain itu, pengaruh bahasa Siam juga boleh dilihat pada nama satu kawasan perkelahan yang terkenal di daerah ini, iaitu Tupah. Tupah yang terkenal dengan air terjun dan jeram memang menjadi tumpuan penduduk setempat untuk berkelah, mandi-manda dan mendapatkan bekalan air bersih. Kedudukannya di kaki Gunung Jerai memungkinkan air sungainya mengalir jernih dan dingin. Flora hutan yang tumbuh di sekitar kawasan itu juga menyumbang kepada persekitarannya yang nyaman. Namun mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa nama Tupah membawa maksud “pintu rimba” dalam bahasa Siam.



Gambar 3.2: Tupah



Gambar 3.3: Makam Sultan Muzaffar Shah

SEJARAH YANG TERPAHAT: FAKTA ATAU MITOS?

Di suatu sudut kawasan Tanjung Dawai, terletak satu tempat bersejarah yang tersohor dinamakan Kampung Bujang. Asal usul nama Bujang dikhabarkan mempunyai dua versi yang sangat berbeza. Versi yang pertama menceritakan asal nama Bujang telah diambil daripada perkataan Sanskrit, iaitu "Bhujangga". Bhujangga ini membawa maksud ular tedung yang besar. Dipercayai pada suatu ketika dahulu, semasa pedagang dari India berlabuh di kawasan ini dan sedang berjual beli, mereka ternampak seekor ular tedung yang sangat besar. Dengan semena-mena mereka menamakan kawasan itu sebagai Bhujangga. Versi yang kedua pula mengaitkan nama Bujang dengan perkataan Siam, iaitu "Boojang" yang membawa maksud telaga getah. Pemberian nama ini seajar dengan fakta terdapat ladang getah yang luas di kawasan simpang masuk ke Kampung Bujang bermula dari kawasan Getah Sepokok hingga ke Pekan Sebelah.

Selain Kampung Bujang, tragedi yang bersejarah juga merupakan faktor yang menyumbang dalam proses penamaan banyak tempat di kawasan Merbok dan Bujang. Salah satu tempat yang mendapat nama sempena tragedi yang berlaku dahulu ialah Kampung Langgar. Dikhabarkan di Kampung Langgar terletaknya makam Sultan Mudzaffar Shah yang merupakan sultan yang memerintah Kedah antara tahun 1136-1179. Kampung Langgar telah mendapat namanya sempena peristiwa karamnya kapal yang membawa Sultan Mudzaffar Shah. Sultan Mudzaffar Shah yang diperlakukan pada ketika itu sedang mudik di Sungai Merbok di dalam kapal baginda. Semasa belayar, kapal baginda telah terlanggar beting pasir yang menyebabkan kapalnya karam dan baginda telah menemui ajalnya. Jasad Sultan Muzaffar telah disemadikan di Kampung Pengkalan Langgar dan makamnya masih lagi wujud hingga kini.

Mengikut catatan sejarah, baginda adalah Sultan Kedah yang pertama memeluk agama Islam dan dikenali sebagai Maharaja Derbar Raja II sebelum pengislamannya. Baginda telah memerintah Kedah dari tahun 1136 hingga 1179, iaitu selama lebih kurang 43 tahun dan dilaksanakan hasil dari pada dakwah seorang ulama Yaman bernama Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad bin Quamiri.

Satu lagi tempat yang namanya berkait rapat dengan peristiwa serangan Siam ke atas Kedah ialah Teluk Che Lela. Kebiasaannya, nama tersebut mudah dikaitkan dengan nama seorang wanita cantik yang mungkin telah menjadi igauan anak-anak kampung pada zaman itu. Namun menurut cerita orang-orang tua kampung, Teluk Che Lela yang terletak berhampiran dengan Kampung Langgar di tebing Sungai Merbok, pernah dijadikan tempat simpanan meriam untuk melawan tentera Siam. Perkataan Che Lela merujuk kepada meriam-meriam tersebut. Barangkali, nama sedemikian diletakkan sebagai kod rahsia supaya musuh tidak dapat mengetahui tempat simpanan meriam tersebut. Satu lagi tempat simpanan meriam pada ketika itu ialah Bukit Meriam yang terletak di seberang Sungai Merbok, berdekatan kawasan Kuala Muda. Kedua-dua kawasan ini menempatkan meriam sebagai alat pertahanan sekiranya musuh datang menyerang.

Satu lagi tempat bersejarah yang tidak kurang pentingnya ialah Merbok. Nama Merbok dikatakan bukan berasal daripada nama burung merbuk seperti yang mungkin dijangka oleh ramai generasi kini. Menurut penceritaan, Merbok mendapat namanya bersempena bahasa Langkasuka lama yang bermaksud tempat pengisytiharan. Menurut Hikayat Merong Maha Wangsa, pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi negeri Kedah telah dibuat di pelabuhan Kuala Merbok. Pelabuhan tersebut terletak berhampiran dengan ibu negeri Kedah yang pada masa itu ialah Bukit Meriam. Satu lagi versi menyatakan bahawa nama Kuala Merbok berasal dari kuala Sungai Babur.

Singkir, merupakan satu lagi tempat yang unik namanya dan terletak berhampiran dengan kawasan Merbok. Menurut penduduk lama Kampung Bujang, nama Singkir diberikan bersempena dengan peristiwa yang mengaitkan Sultan Kedah pada ketika itu. Dikhabarkan bahawa Sultan Kedah pada ketika itu, telah murka kepada dua orang hamba rakyatnya atas kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Oleh yang demikian, baginda telah menitahkan hamba rakyatnya itu dibuang daerah. Sebagai hukuman, salah seorang daripada hamba rakyat tersebut telah disingkirkan di kawasan darat manakala seorang lagi telah disingkirkan di kawasan berhampiran laut. Kawasan hamba rakyat ini diasangkan untuk menjalani hukuman di darat dinamakan Singkir Darat manakala Singkir Laut diberikan bagi kawasan hukuman hamba rakyat yang diasangkan di kawasan laut. Sehingga ke hari ini kawasan-kawasan tersebut masih dikenali sebagai Singkir Darat dan Singkir Laut.

Pengkalan Bujang yang terletak di Mukim Bujang pula dikenali kerana faktor sejarahnya sebagai pelabuhan entrepot dari penghujung abad ke-11 hingga ke penghujung abad ke-14. Banyak tinggalan sejarah seperti tembikar-tembikar lama dari China, kepingan gelas dari Timur Tengah serta manik-manik dari India dijumpai di kawasan ini. Dipercayai, pada suatu ketika dahulu, kawasan ini merupakan sebuah pelabuhan yang sangat sibuk. Banyak kapal dagang dan pedagang dari merata dunia datang berdagang dan berjual beli di sana.



Gambar 3.4: Tertera pada batu penerangan ini: Makam Sultan Muzaffar Shah 1 maharaja Derbar Raja II memerintah Kedah dari tahun 1136M hingga 1179M. Pusat pemerintahannya di Bukit Meriam. Baginda merupakan raja Kedah yang pertama memeluk agama Islam dan menukar namanya menjadi Sultan Muzaffar Shah. Baginda mangkat pada tahun 1179M dan dimakamkan di Kampung Langgar, Mukim Bujang.

Merbok pula sesuai dengan statusnya sebagai tempat pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi, terdapat sebuah kampung yang dinamakan Kampung Pondok. Menurut cerita penduduk lama kampung, Kampung Pondok ini sangat terkenal pada satu ketika dahulu kerana terdapat sebuah madrasah bernama Madrasah Sa'adatul Daruin. Madrasah ini telah diasaskan oleh Haji Abdul Rahman Merbok sekembalinya beliau daripada Mekah pada tahun 1925. Dipercayai, madrasah ini merupakan satu madrasah yang sangat terkenal dalam mengembangkan dan memperjuang agama Islam pada ketika itu.

Gambar 3.5: Pulau Songsong, Yan Kedah



Mitos tempatan juga memberi pengaruh kepada nama sesuatu tempat. Menurut cerita nenek moyang dahulu, Pulau Bidan, Pulau Bunting, Pulau Songsong dan Pulau Telor yang terletak di daerah Yan dikatakan adalah berasal daripada manusia yang disumpah oleh Sang Kelembai. Sang Kelembai merupakan gergasi yang menetap di kawasan tersebut. Menurut cerita orang-orang tua, Sang Kelembai menjadi sangat marah akibat tidak dijemput ke majlis melenggang perut kepada seorang wanita yang mengandung. Akibatnya, manusia yang disumpah tersebut telah bertukar menjadi pulau.

APRESIASI CINTA MANUSIA PADA ALAM

Merbok dan Bujang berlandskapkan hutan hujan tropika, aliran sungai, air terjun, dan sawah, serta dihiasi dengan flora dan fauna alam semula jadi. Oleh itu, tidak hairanlah jika apresiasi hubungan rapat antara manusia dan alam ini diluahkan di dalam nama beberapa kampung di kawasan ini. Salah satu kampung yang mengambil namanya daripada alam ialah Kampung Sungai Gelam. Nama gelam berasal daripada pokok gelam atau pokok kayu putih (melaleuca cajuputi powell) yang banyak tumbuh di kawasan itu suatu masa dahulu. Pokok gelam ini mempunyai khasiat perubatan yang tersendiri. Daunnya diseduh untuk mendapatkan minyak kayu putih yang terkenal dengan khasiat perubatan tradisional. Malangnya, penduduk asal kampung mungkin tidak mempunyai banyak pengetahuan tentang khasiat pokok gelam pada masa tersebut lalu pokok-pokok ini telah ditebang semasa mereka membersihkan kawasan untuk mengusahakan sawah padi. Pada masa sekarang pokok gelam atau kayu putih tidak ditemui lagi di kawasan tersebut.



Gambar 3.6: Pokok Gelam

Sungai Pial adalah satu lagi nama kampung di DUN Tanjung Dawai yang berasaskan tumbuhan. Uniknya, sekiranya orang luar datang dan bertanya dimanakah Kampung Sungai Pial, berkenaan ada penduduk tempatan yang tidak mengenalinya kerana dalam loghat Kedah perkataan pial disebut dengan sebutan “pe” (seperti “pear” dalam bahasa Inggeris). Perkataan pial ini berasal daripada sejenis tumbuhan renek yang banyak tumbuh di semak samun dan hutan paya di kawasan tersebut. Pucuk pokok pial digunakan oleh penduduk kampung sebagai ulam-ulaman dalam juadah harian. Menurut penduduk kampung tersebut, pokok pial bersifat dua alam kerana mampu hidup dalam kawasan berair masin mahupun tawar. Tegar semangat dan ketabahan pokok pial serta kemampuannya menyesuaikan diri untuk hidup dalam keadaan air yang berbeza ini menjadi inspirasi kepada penduduk kampung untuk gigih berusaha dan cekal menghadapi pelbagai cabaran hidup setegar dan setabah pokok Pial yang tetap kuat bertahan walaupun akarnya terendam di dalam air.

Satu lagi nama kampung yang menarik ialah Kampung Tempoyak. Pastinya ramai yang menelih nama tersebut datangnya daripada sejenis makanan yang dibuat daripada isi durian yang diperam sebaliknya nama tersebut berasal daripada sejenis pokok yang dipanggil pokok tempoyak. Ada logiknya mengapa perkataan Tempoyak pada nama kampung itu bukanlah berasal daripada makanan yang dinyatakan. Orang tua-tua di Kedah mengenali tempoyak sebagai asam durian. Dikatakan bahawa semasa penduduk asal kampung ini mula-mula memugar dan meneroka tanah, mereka telah menjumpai sebatang pokok tempoyak yang sangat besar. Lalu, mereka bermesyuarat dan memutuskan untuk menamakan kampung yang baharu diterokai itu sebagai Kampung Tempoyak.

Selain itu, satu lagi kampung mengambil nama sempena tumbuhan adalah Kampung Alor Bemban. Pokok bemban (*Donax Grandis*) tumbuh berumpun dan mempunyai batang bewarna hijau seakan-akan pohon buluh teatapi tidak berongga dan dengan saiz yang lebih kecil. Kulit batangnya yang dibelah nipis digunakan oleh orang-orang kampung dahulu untuk menjahit nipah atau rumbia untuk dijadikan atap rumah mereka. Air daripada pucuk tumbuhan ini yang masih bergulung biasanya digunakan sebagai ubat titis sakit mata. Selain daripada itu, terdapat beberapa lagi nama kampung yang berasaskan tumbuhan seperti Kampung Permatang Saga, Kampung Sungai Pauh dan Kampung Permatang.



Menarik untuk diketahui pintu masuk untuk ke kampung Bujang pada masa sekarang dikenali sebagai Getah Sepokok. Menurut cerita orang-orang tua pada masa dahulu terdapat sebatang pohon getah yang sangat besar di pintu masuk tersebut. Keadaan ini menyebabkan kawasan tersebut dikenali dengan nama sedemikian. Pada zaman sebelum kemerdekaan, kawasan getah sepokok sangat digeruni oleh penduduk setempat kerana dikatakan di kawasan ini terdapat ramai penyamun dan juga tentera Jepun yang mengganggu penduduk kampung tersebut.

Gambar 3.7: Pokok Bembang

KELAZIMAN DIPAHAT DI SEBALIK NAMA

Kelaziman penduduk sesuatu kawasan boleh menjadi faktor penyumbang kepada pemilihan nama sesuatu kawasan. Di DUN Tanjung Dawai antara nama yang berasal daripada aktiviti penduduk ialah Kampung Pekan Sebelah. Nama yang unik ini tercipta apabila aktiviti penduduk hanya berjalan di sebelah kanan kawasan tersebut. Di sinilah terdapatnya rumah-rumah, kedai-kedai, surau dan lain-lain sementara di sebelah kiri kampung ini kawasannya digunakan untuk membuka ladang kelapa sawit dan getah.

Selain itu, satu lagi kawasan berhampiran Kampung Pekan Sebelah dinamakan Bukit Pendiat yang terletak di kawasan yang agak berhutan dan telah digunakan sebagai perangkap kepada gajah-gajah liar. Penduduk kampung telah menebu lubang di bukit tersebut dan menghalau gajah liar sehingga terperangkap di dalam lubang tersebut. Nama yang sama juga digunakan di daerah Baling dan dikatakan nama ini juga berasal daripada aktiviti menangkap gajah yang dijalankan oleh penduduk di kawasan tersebut. Nama daerah Pendang juga dikatakan berasal dari perkataan pendiat bersempena aktiviti menangkap dan menjinakkan gajah liar yang giat dijalankan di sana suatu ketika dahulu.

Selain itu, terdapat sebuah lagi kampung yang dinamakan sebagai Segantang Garam. Kampung ini terpencil kerana kedudukannya yang jauh berhampiran tebing sungai Merbok. Untuk sampai ke kampung ini, perjalannya agak sukar kerana terpaksa merentasi semak dan belukar. Oleh itu, apabila berpeluang keluar, penduduk akan membeli bekalan dalam jumlah yang besar supaya dapat bertahan lama. Antara yang sering dibeli adalah segantang garam untuk dijadikan bekalan sehinggalah mereka berpeluang untuk keluar sekali lagi. Disebabkan hal ini, kampung tersebut telah dinamakan Kampung Segantang Garam.



Gambar 3.8: Chalet terapung di Segantang Garam

TERCIPTA NAMA DI SEBALIK KEDUDUKAN GEOGRAFI DAN LOKASI

Kedudukan geografi dan lokasi turut menjadi penyumbang kepada asal nama tempat di Dewan Undangan Tanjung Dawai. Salah satunya ialah asal usul nama Sungai Deraka. Menurut cerita nenek moyang dahulu, asal usul nama Sungai Deraka bermula apabila berlakunya tragedi penderhakaan seorang anak kepada ibunya. Walau bagaimanapun, asal usul nama Sungai Deraka sebenarnya, berkait rapat dengan kedudukan geografi dan kejadian alam di tempat tersebut. Kejadian alam seperti air pasang dan surut menjadi titik permulaan kisah Sungai Deraka. Sungai Deraka merupakan salah satu anak sungai yang mengalir ke Sungai Merbok. Sifat Sungai Deraka yang bertentangan dengan Sungai Merbok menjadi salah satu keunikan dan penyumbang kepada asal nama Sungai Deraka. Keunikan yang ada pada Sungai Deraka adalah apabila Sungai Merbok mengalami air pasang, Sungai Deraka akan mengalami air surut manakala apabila Sungai Merbok berada dalam keadaan air surut, Sungai Deraka pula akan berada dalam keadaan air pasang. Kejadian alam ini menggambarkan seolah-olah berlakunya penderhakaan seorang anak kepada ibunya dan di sutilah bermulanya nama “Sungai Deraka”.



Gambar 3.9: Sungai Merbok



Gambar 3.10: Kampung Hilir, Merbok

Kampung Hilir yang terletak di mukim Merbok mendapat nama daripada kedudukannya di hilir Sungai Merbok. Menurut penduduk kampung yang ditemui bual, pada zaman dahulu, kapal-kapal boleh melayari Sungai Merbok melalui Pengkalan Kakap hingga ke Kampung Hilir. Dengan kelebaran hampir 1 km di sesetengah tempat sungai ini menjadi laluan mudah bagi kapal-kapal layar yang besar di zaman dahulu untuk mudik ke hulu. Yang pasti, Sungai Merbok menyimpan seribu misteri sejarah negara dengan berlatarbelakangkan Gunung Jerai yang juga mempunyai kisah lagenda yang tersendiri.

Tidak mustahil jika satu ketika dahulu Pengkalan Kakap menjadi pusat perdagangan kerana jika dilihat secara fizikal, kawasan tersebut berpasir seperti pasir pantai. Ada juga catatan yang mengatakan pedagang-pedagang pada zaman dahulu menjadikan Pengkalan Kakap sebagai pusat pemunggahan barang-barang dagangan sebelum dibawa ke bukit Acheh dan Kampung Hulu. Asal usul nama Pengkalan Kakap yang terkenal dengan salah satu Masjid tertua di Negeri Kedah masih menjadi misteri. Ada yang mengatakan namanya berasal daripada ikan siakap yang boleh ditemui dengan banyak di sungai Merbok. Ada juga yang mengatakan bahawa nama ini berasal daripada perkataan kakap yang bermaksud berzanji atau menyanyi.



Gambar 3.11: Masjid Lama, Pengkalan Kakap yang dibina pada 1800 Masihi

“Tahukan anda kapal-kapal dagang dari pelbagai pelosok dunia pernah berlayar dan berlabuh di Sungai Merbok?”

Satu lagi faktor geografi yang mempengaruhi nama sesebuah tempat ialah ciri-ciri fizikal tempat tersebut. Salah satunya ialah nama Batu Hampar. Nama Batu Hampar diperoleh daripada batu besar yang kelihatan seperti terhampar di kawasan Lembah Bujang manakala nama Batu Pahat yang terkenal dengan candinya mendapat namanya kerana di sekitar tebing-tebing sungai tersebut terdapat batu-batu yang telah dipahat tetapi belum digunakan untuk membina candi. Selain itu juga, terdapat bekas-bekas mata pahat pada permukaan batu-batu tersebut (Lembah Bujang Entrepot Kedah terbilang, 1980). Di sitolah, bermulanya pemberian nama Batu Pahat di kawasan tersebut.

“Tahukah anda teknologi melebur besi telah dijalankan oleh nenek moyang kita seawal kurun pertama di Sungai Batu Besi?”



Gambar 3.12: Air Terjun, Batu Hampar



Gambar 3.13: Candi, Lembah Bujang

KESIMPULAN

Bab ini cuba menyelami asal usul nama-nama kampung di Bujang dan Merbok, dua mukim di DUN Tanjung Dawai yang sebahagian besarnya berdasarkan cerita rakyat dan sejarah lisan untuk melihat corak kehidupan masyarakat masa lalu yang mungkin berbeza daripada tempat lain di Kedah. Nama-nama kampung yang terdapat di kawasan ini membentuk cebisan sejarah yang penting dan perkembangan kawasan ini sendiri. Nama-nama ini juga wujud sebagai ingatan kepada pengalaman dan peristiwa-peristiwa lalu yang tidak boleh diabaikan dalam kajian mengenai pembangunan DUN Tanjung Dawai.

MAKLUMAT RESPONDEN



Pak Lang [Tn. Hj. Basharudin bin Hj. Md Salleh]. Beliau merupakan bekas Penghulu Mukim Bujang. Lahir pada tanggal 28 September 1948. Kini, Pak Lang telah berusia 67 tahun. Pak Lang memulakan persekolahan di Sekolah Umum Bujang (sekarang Sekolah Kebangsaan Muzaffar Shah) pada tahun 1954 sehingga 1960. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke Maktab Mahmud (Maahad) Alor Setar dari tahun 1961-1968. Oleh kerana prestasi yang cemerlang, Pak Lang diberi peluang belajar ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu Tingkatan 6 Rendah dan 6 Atas di sebuah sekolah menengah di Jenan dari tahun 1969 hingga 1970. Pak Lang memulakan kerja sebagai seorang pembantu tadbir pada tahun 1971. Beliau berjaya menjawat jawatan sebagai Penghulu bermula dari tahun 1980 sehingga 2001. Kepimpinan cemerlang Pak Lang sebagai Peng-



Haji Abdul Rahim bin Ahmad yang dilahirkan pada tahun 1932 di Kampung Sungai Gelam Mukim Bujang banyak menyimpan khazanah maklumat silam tentang kawasan Lembah Bujang. Sesuai dengan tugasnya sebagai Bekas Guru Besar, Tuan Haji Abdul Rahman umpsama ensiklopedia bergerak yang luas ilmu pengetahuannya. Beliau masih aktif memberikan sumbangan di kampung kelahirannya. Tuan Haji Abdul Rahman kini bertugas sebagai Siak di Masjid Al-Muttaqin Kg. Bujang. Nasihat dan pendapat Tuan Haji Abdul Rahman yang terkenal dengan panggilan mesra Pak Long Waman sentiasa dirujuk oleh masyarakat kampung terutama dalam kes-kes yang melibatkan maslahat umum.

“Tahukah anda Che Lela bukan merupakan seorang wanita cantik yang menjadi pujaan hati pemuda-pemuda di Lembah Bujang pada zaman dahulu?”

Kedah Darul Aman yang kaya dengan pelbagai khazanah sejarah perlu diterokai bukan sahaja dari aspek arkeologi tetapi juga sosioekonomi serta lain-lain aspek kehidupan. Merbok dan Gunung Jerai yang merupakan dua kawasan utama yang menyumbang kepada banyak petunjuk kewujudan asal negeri Kedah sudah pastinya turut mempunyai rahsia kehidupan masyarakat yang akan terkubur jika tidak didokumentasikan. Sehubungan itu, kompilasi bab di dalam buku ini merupakan suatu usaha untuk memastikan cara hidup, pembangunan penempatan dan juga nilai-nilai murni masyarakat terdahulu di kedua-dua kawasan tersebut dapat dicatat dan disimpan di persada sejarah. Catatan dan simpanan ini merupakan peninggalan yang tidak ternilai harganya bagi menjamin kesinambungan aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

